



## PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

### PANDUAN MENGISI

### BORANG NOTIS TUNTUTAN FAEDAH PEKERJA ASING

**PANDUAN MENGISI BORANG INI ADALAH MERUJUK KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN UTAMA DI DALAM  
BORANG NOTIS KEMALANGAN DAN PENYAKIT KHIDMAT PEKERJA ASING**

**PENTING : Pastikan Butiran Notis Dan Tuntutan Faedah ini untuk TUNTUTAN BAHRU sahaja**

#### JENIS NOTIS

Sila pilih jenis notis yang hendak dibuat tuntutan:

**1. Notis Kemalangan/Hilangupaya**

Bagi kejadian yang berlaku secara tidak sengaja hingga menyebabkan kecederaan kepada orang berinsurans.

**2. Notis Penyakit Khidmat**

Jika mengalami penyakit yang disebabkan atau berpunca daripada aktiviti dan faktor persekitaran di tempat kerja.

**3. Notis Kemalangan/Kematian**

Jika orang berinsurans meninggal dunia akibat kemalangan yang berkaitan dengan pekerjaan.

#### SEKSYEN A

Hendaklah dilengkapkan pihak yang mengemukakan Borang Tuntutan walau apapun pilihan Jenis Notis.

#### BAGI NOTIS KEMALANGAN : Mesti dikemukakan oleh MAJIKAN

1. MAJIKAN hendaklah melengkapkan Seksyen berikut: Seksyen B, C, D, F & H (beserta cop majikan).
2. ORANG BERINSURANS hendaklah membuat pengesahan pada Seksyen G dan menurunkan tandatangan diruangan yang disediakan di Para G3.

#### BAGI NOTIS PENYAKIT KHIDMAT : Dikemukakan sama ada oleh MAJIKAN atau ORANG BERINSURANS

1. Jika Notis dikemukakan oleh MAJIKAN, Seksyen berikut hendaklah dilengkapkan : B, C, E, F, G & H (beserta cop majikan).
2. Jika Notis dikemukakan oleh ORANG BERINSURANS, Seksyen berikut hendaklah dilengkapkan : B, C, E, F, G & H dan menurunkan tandatangan di ruangan yang disediakan di Para G3.

### **BAGI NOTIS KEMATIAN**

1. Jika ORANG BERINSURANS meninggal dunia akibat kemalangan semasa bekerja, MAJIKAN hendaklah melengkapkan Seksyen berikut: B, C, D, F & H

### **SEKSYEN H**

Hendaklah dilengkapkan oleh majikan atau wakil beserta cop majikan bagi Notis Kemalangan dan Notis Kematian yang berkaitan dengan pekerjaan.

#### **NOTA :**

1. Sila pilih salah satu sahaja nama bank daripada senarai bank berikut: CIMB BANK BERHAD / MAYBANK / BANK SIMPANAN NASIONAL (AKAUN GIRO) / BANK MUAMALAT / RHB BANK BERHAD / PUBLIC BANK BERHAD / BANK ISLAM / HONG LEONG BANK / AM BANK dan lengkapkan nama dan no. akaun di ruangan yang disediakan.
2. Pastikan akaun masih AKTIF dan BUKAN akaun bersama (Joint Account).
3. Tuntutan Faedah Orang Tanggungan oleh waris yang layak dan tuntutan Faedah Pengurusan Mayat oleh majikan hendaklah menggunakan **Borang Tuntutan Faedah Orang Tanggungan dan Pengurusan Mayat**.

*Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang masalah/pertanyaan, sila hubungi:*

**Talian Am : 03 - 4264 5000 | Khidmat Pelanggan : 1-300-22-8000 | E-mel : perkeso@perkeso.gov.my**

### **SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA**